

NO. SOALAN: 378

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

RUJUKAN : 7677

SOALAN:

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistic kes penculikan (*kidnapping*) di
negara ini pada tahun 2014 mengikut negeri.**

JAWAPAN:

Kes penculikan merupakan satu isu yang kompleks yang memerlukan penglibatan semua pihak untuk mengekang jenayah ini dari terus berlaku. Kejadian culik bukan sahaja menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan keluarga, ianya juga boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat dan memberi kesan kepada maruah negara apabila melibatkan penculikan kepada warga asing yang melancong atau menetap di negara ini. Pihak Kementerian khususnya pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa memberi perhatian khusus untuk membanteras kes penculikan dari terus berlaku, umpamanya pihak PDRM mempunyai cawangan dan operasi khas (*ops Scorpions*) untuk mengendalikan kes penculikan yang berlaku di dalam negara.

Statistik penculikan untuk tebusan bagi tahun 2014 mengikut negeri adalah seperti berikut:-

BIL	KONTINJEN	2014
1	Selangor	3
2	Johor	1
3	K.Lumpur	3
4	P.Pinang	0
5	Kedah	3
6	Sabah	4
7	Melaka	1
8	Sarawak	0
9	Perak	1
10	N.Sembilan	1
11	Pahang	0
12	Terengganu	0
13	Kelantan	0
JUMLAH		17